

Appendix A

Encik Zaqy Mohamad: Tuan Pengerusi, usaha MCYS menggerakkan IRCC dan program CEP adalah langkah awal yang baik dalam membina rangkaian lebih rapat di kalangan pelbagai agama dan kaum. Lebih banyak yang harus dilakukan untuk meningkatkan persefahaman, terutama di kalangan para belia yang terdedah kepada pengaruh fahaman radikal, kerana kedudukan kita sebagai pusat bakat, perdagangan dan maklumat.

Langkah melibatkan pemimpin masyarakat dan agama dalam IRCC adalah dialu-alukan, tetapi anggapan pertama kita adalah mesej yang ingin disampaikan dan kesefahaman kaum akan tersebar kepada orang ramai. Kedua, anggapan bahawa keterbukaan dan rasa saling hormat-menghormati di peringkat kepimpinan juga serupa di peringkat orang ramai. Kedua-dua anggapan ini tidak sentiasa seratus peratusnya betul.

Saya ingin tujukan beberapa soalan kepada MCYS. Pada pandangan Kementerian, apakah kesan-kesannya kepada fabrik sosial Singapura akibat tren fundamentalisme dan radikalisme yang dibawa dari Timur Tengah? Apakah tren ini membawa kesan kepada pandangan masyarakat umum terhadap masyarakat Melayu/Islam Singapura, misalnya dalam isu pilihan pekerja? Kedua, apakah kesan peningkatan kesedaran agama di kalangan para belia terhadap pendekatan yang diambil oleh Kementerian untuk mempererat lagi integrasi kaum melalui IRCC dan CEP. Dan apakah usaha Kementerian untuk mendekati golongan belia ini dengan lebih efektif?

Untuk menyemai nilai-nilai toleransi dan saling hormat-menghormati dalam masyarakat kita yang berbilang kaum dan agama, MCYS juga harus meningkatkan usaha-usaha dalam beberapa bidang. Misalnya, saya berharap MCYS boleh menyediakan masyarakat dengan platform-platform yang membolehkan golongan muda membuat rujukan untuk mendapatkan penjelasan dan pemahaman sambil memanfaatkan perbincangan yang bermakna dan membandingkan pelbagai ideologi dengan pelbagai pertubuhan agama dan kaum di Singapura. Dengan itu, kita boleh membina suasana yang lebih terbuka dan bersikap toleransi, dan tidak bergantung semata-mata kepada pendekatan seperti penapisan atau mengelakkan diri daripada menghadapi isu-isu ini.